

## 200,000 pelancong ke Taman Laut Johor

MERSING - Taman Laut Johor menerima kemasukan sekitar 200,000 pelancong setiap tahun.

Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) Negeri Johor, Bahrinah Bahrim berkata, angka itu menunjukkan hasil kejayaan negara memulihara kawasan taman laut.

"Kejayaan negara memulihara kawasan perlindungan ini menjadikan taman laut sebagai satu produk pelancongan yang berjaya menarik hampir 800,000 pelancong setiap tahun di negara kita.

"Di Taman Laut negeri Johor telah menerima lebih daripada 200,000 pelancong setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kursus Persediaan Muallim <500GT Domestik (Terhad) Penduduk Tempatan Taman Laut Pulau-Pulau Johor, semalam.

Menurutnya, kedatangan pelancong itu memberi kesan ekonomi kepada pengusaha-pengusaha chalet, bot, pemandu pelancong dan komuniti pulau yang menjalankan perniagaan untuk menambah pendapa-



Bahrinah menyampaikan sijil kekompetenan kepada peserta Kursus Persediaan Muallim <500GT Domestik (Terhad).

tan.

"Penganjuran kursus oleh JTLM bersama Jabatan Laut Malaysia ini antara usaha untuk memberi kemahiran dan pentauliahkan lesen.

"Selain kita sebenarnya nak membantu penjana ekonomi penduduk setempat, meningkatkan pematuhan peraturan taman laut dan kesedaran penduduk setempat akan kepentingan pemulihan biodiversiti ma-

rin," katanya.

Katanya, kepulauan di Johor begitu kaya dengan sumber biodiversiti marin.

"Ini wajar dimanfaatkan untuk kesejahteraan hidup komuniti setempat. Taman laut ada nilai yang sangat tinggi.

"Menurut Kajian Nilai Ekonomi (TEV) Taman Laut Pulau Tinggi yang dijalankan pada 2014 sebanyak RM3.6 bilion setahun," katanya.